

**SMS**  
**Sinar Harian**  
**Mei 10, 2012**

**SOALAN:**

U70 lewat jejas aktiviti harian

KECEWA perkhidmatan U70 RapidKL masih berada pada tahap kurang memudahkan pengguna sistem pengangkutan awam. Kekekapan jadual perjalanan bas pada waktu pagi perlu ditambah kepada 15 minit setiap hari.

Kelmarin bas trip kedua pada 7.45 dari Kuala Lumpur hanya sampai destinasi terakhir sekitar jam 8.45 pagi. Pengguna mula merungut kerana lewat sampai untuk urusan harina masing-masing walaupun keadaan jalan tidak begitu sesak.

---

**JAWAPAN :**

**SMS**  
**Sinar Harian**  
**Mei 14, 2012**

Salam sejahtera Cik Nur Asyikhin bt Aminudin,

Terlebih dahulu RapidKL ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas maklum balas yang diberikan dan sokongan yang berterusan untuk menggunakan perkhidmatan bas RapidKL. Sokongan yang berterusan ini amat dihargai bagi memastikan penambah baikan yang berterusan untuk menyediakan perkhidmatan awam yang lebih baik di kawasan berkenaan.

Untuk pengetahuan, peruntukkan bilangan bas bagi setiap laluan adalah bergantung kepada permintaan dari penduduk setempat. Untuk laluan U70, kekekapan bas pada masa kini ada setiap 20 minit. Di samping itu,

RapidKL juga menghadapi cabaran keadaan trafik yang tidak menentu di sekitar Lembah Kelang.

Untuk makluman, kami telah menjalankan siasatan tentang kelewatan yang dimaksudkan dan ingin memohon maaf di atas kesulitan yang telah dihadapi. Pada hari kejadian, kami telah mengalami masalah teknikal yang tidak boleh dielakkan dan menyebabkan pergerakan trip bas 1, 2 dan 4 tidak dapat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

RapidKL akan sentiasa berusaha untuk membuat penambah baikan kesemua laluan bas di samping pemantauan yang maksima bagi memastikan bas beroperasi mengikut jadual yang di tetapkan.

Sekian harap maklum.

**Muhammad Adam**  
**Group Communications Dept**  
**Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA)**  
**Tel: 03-7885 2585 Helpline**  
**(Mon-Fri : 7.00 am to 8.30 pm, Sat-Sun : 8.30am-5.30 pm)**  
**Tel : 03-7650 7788 General line**  
**Fax: 03- 7625 7566**  
**Web: [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my)**